

ASAS KEUSAHAWANAN 300

5F

ENERGY BIOS

DISEDIAKAN UNTUK

**EN. MOHD. ZAIN IDRIS
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN
ITM CAWANGAN PERLIS**

DISEDIAKAN OLEH

**AZWANA MOHAMAD @ AHMAD
96372698**

**NORMALIZA OTHMAN
96405135**

**SHARIZAD KHALIDIN
96809844**

48/60

**SITI AIDA OTHMAN
96564425**

**HAFIZAH SAMSUDIN
96770947**

DIA 05F



SINOPSIS

Nama Syarikat

Energy Bios adalah nama syarikat yang kami tubuhkan dan telah didaftarkan pada 1 Disember 1999 di pejabat pendaftaran syarikat di Alor Setar Kedah. Ianya wujud atas gabungan tenaga 5 orang rakan kongsi.

Bidang dan Jenis Kegiatan

Energy Bios adalah sebuah Pengeluar Tenaga Persendirian. Perniagaan ini adalah perniagaan yang menjalankan aktiviti menjana kuasa elektrik. Segala sumber bekalan yang diperlukan akan dihantar ke sektor-sektor yang melanggan apabila perjanjian telah ditandatangani. Pelanggan boleh menggunakan segala bekalan elektrik yang ada untuk kegunaan sehari-harian. Air adalah sumber utama dalam menjana kuasa elektrik ini dan premis kami adalah lokasi yang sesuai di mana ia bersebelahan dengan sungai yang membekalkan air. Tambahan pula, tempat untuk mendapatkan bahan mentah adalah berdekatan. Pengendalian mesin jana kuasa dikendalikan oleh jurutera, penyelia dan pekerja-pekerja yang berkebolehan dan berpengalaman luas dalam mengendalikan alat-alat ini dan seterusnya membuat tinjauan agar pelanggan mendapat bekalan yang secukupnya.

Lokasi

Perniagaan kami akan beroperasi di Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim . Ia merangkumi zon perindustrian, perumahan, perniagaan, rekreasi dan pejabat. Sumber bahan mentah pula adalah berdekatan dengan tapak lokasi.

Modal

Perniagaan ini memerlukan modal sebanyak RM 1 518426 dan pinjaman juga dibuat dari Bank Islam. Setiap rakan kongsi mengeluarkan modal sebanyak Rm 303 685

Pasaran

Syarikat ini menyediakan bekalan elektrik dengan kadar bayaran berpatutan. Permintaan pasaran adalah tinggi dan amat menggalakkan.

Persaingan

Dari segi persaingan pula, syarikat ini tidak menghadapi sebarang persaingan yang kuat kerana terdapat hanya dua pengeluar tenaga persendirian di Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim.

ISI KANDUNGAN

| Perkara | Halaman |
|--------------------------------|----------------|
| Sekapur Sirih | i |
| Surat Penyerahan | ii |
| Penghargaan | iii |
| Sinopsis | v |
| Pengenalan | 1 |
| Logo Perniagaan | 3 |
| Keterangan Logo | 4 |
| Latarbelakang Perniagaan | 5 |
| Surat Perjanjian Perkongsian | 6 |
| Latarbelakang Ahli-ahli Kongsi | 8 |
| Latarbelakang Projek | 13 |
| Rancangan Pentadbiran | 14 |
| Rancangan Pemasaran | 25 |
| Rancangan Operasi | 37 |
| Rancangan Kewangan | 46 |
| Rumusan | 62 |



PENGENALAN

Penjanaan tenaga elektrik secara persendirian mungkin dianggap masih janggal kewujudannya di Malaysia. Barangkali kita sudah menganggap monopoli Tenaga Nasional Berhad di dalam sektor ini bersifat mutlak dan kekal. Namun begitu, kita sudah mengalami sendiri kesan bergantung hanya pada satu pihak sahaja. Buktinya seluruh Semenanjung Malaysia terputus bekalan elektrik pada 29 September 1992. Peristiwa hitam itu telah mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada negara. Sejak dari peristiwa itu kerajaan telah menggalakkan penubuhan tenaga persendirian.

Demi menyahut cabaran kerajaan inilah Energy Bios menjawab pelawaan bagi menjalankan perniagaan ini. Lokasi kami adalah di Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim. Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim adalah kawasan pembangunan terancang yang dilengkapi pelbagai kemudahan infrastruktur walaupun mengutamakan pembangunan industri berteknologi tinggi. Pihak pentadbir Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim, Kulim Technology Park Corporation (KTPC) tidak mahu mengambil sebarang risiko di mana ditakuti peristiwa 29 September akan berulang kembali. Ini akan menyebabkan kerugian yang besar kerana zon perindustrian di Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim beroperasi 24 jam sehari. Oleh itu, mereka memutuskan untuk mempunyai pengeluar yang khas membekal tenaga untuk Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim sahaja.

Perniagaan kami juga adalah bersifat unik kerana menggunakan sisa kelapa sawit kerana menggunakan sisa kelapa sawit sebagai bahan api berbanding dengan pengeluar tenaga persendirian yang lain yang menggunakan diesel sebagai bahan api. Ini memberi kelebihan kepada kami kerana kosnya adalah jauh lebih rendah dan bersifat mesra alam.

Memandangkan Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim adalah sebuah kawasan pembangunan terancang yang dilengkapi zon industri, zon perniagaan, zon rekreasi, zon perumahan dan zon pendidikan; kami amat yakin bahawa potensi perniagaan kami adalah amat tinggi dan akan berkembang maju.



LATARBELAKANG PERNIAGAAN

Nama Perniagaan : ENERGY BIOS

Alamat Perniagaan : Lot 269, Jalan Hi-Tech 8,
Kulim Hi-Tech Park,
09000 Kulim,
Kedah.

Alamat Surat Menyurat : - sda-

No. Telefon : 04 -4032420

No. Faks : 604 - 4032320

Bentuk Perniagaan : Perkongsian.

Kegiatan Utama : Pengeluar tenaga persendirian (menjanakuasa elektrik menggunakan sisa kelapa sawit)

Tarikh Memulakan Perniagaan : 1 Januari 2000

No. Pendaftaran Syarikat : dalam proses

Bank : Bank Islam

No. Akaun Bank : dalam proses.